

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 18 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 8

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1532-MQT2809
Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan tindakan Kerajaan untuk memperkasakan industri halal khususnya kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), syarikat Bumiputera, syarikat luar bandar mahupun usahawan muda sejajar sasaran Malaysia menjadi peneraju pasaran halal antarabangsa dengan nilai eksport halal sebanyak RM63.1 bilion menjelang 2025.

2. PR-1532-MQT2807
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah inisiatif terkini Kerajaan dalam menggubal undang-undang khusus melibatkan kerjasama rentas Kementerian bagi menangani insiden buli siber yang sedang berleluasa hari ini.

3. PR-1532-MQT2810
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan microplastik merupakan bahan pencemar baharu yang menjadi ancaman kepada sumber dan bekalan air. Sejauh manakah usaha yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengetengahkan isu ini di kalangan rakyat Malaysia.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 18 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 34

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1532-L25447
Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :
 - (a) apakah langkah Kementerian bagi mengoptimumkan penggunaan digital dalam pengajaran dan pembelajaran melalui Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa) oleh guru dan pelajar; dan
 - (b) sejauh mana Kementerian bersedia dalam mempromosi dan memberi pendedahan kepada murid tentang teknologi AI melalui portal ini.
2. PR-1532-L24881
Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan telah membuat kajian terperinci dan sesi libat urus yang secukupnya berkenaan cadangan untuk menyahjenayah (dekriminalisasi) dalam penyalahgunaan dadah kerana ia akan memberi impak kepada keselamatan masyarakat awam.
3. PR-1532-L25392
Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :
 - (a) berapa bilangan usahawan, jumlah geran pembiayaan dan jenis bantuan yang telah disalurkan khusus untuk masyarakat Bumiputera di Sarawak ; dan

- (b) sejauh manakah pelaksanaan program pembangunan bidang industri kecil dan sederhana yang telah dilaksanakan di negeri Sarawak terutamanya di kawasan luar bandar.

4. PR-1532-L25745

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan kemudahan bagi rawatan dan pelupusan sisa terjadual (*schedule waste*) di Semenanjung Malaysia memandangkan pertumbuhan yang pesat dalam industri E & E seperti *semiconductor*, terutamanya di Wilayah utara semenanjung.

5. PR-1532-L25746

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pendekatan dan pemahaman matlamat Pembangunan Lestari diketengahkan dalam kalangan pelajar di Institut Pengajian Tinggi sama ada dalam subjek mata pelajaran ataupun aktiviti ko-kurikulum.

6. PR-1532-L24829

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) apakah usaha Kerajaan dalam mempertingkatkan hasil kepada Kerajaan selain melalui pungutan cukai dan pelaksanaan subsidi bersasar; dan
- (b) adakah Kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan semula GST, iaitu sistem cukai yang lebih berbanding SST.

7. PR-1532-L25514

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disediakan untuk menaik taraf peralatan bengkel di institut TVET di Malaysia, terutamanya di Sabah, bagi memastikan pelajar TVET ini didedahkan dengan teknologi dan kemahiran yang terkini.

8. PR-1532-L25776

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan usaha-usaha yang telah direncanakan oleh Kementerian bagi memperluaskan penggunaan tenaga hidroelektrik bagi menggantikan sumber tenaga yang tidak boleh diperbaharui.

9. PR-1532-L25958

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah aduan terhadap anggota-anggota polis di bawah Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 (IPCC) untuk tempoh 5 tahun yang lalu dan keputusan-keputusan terhadap aduan-aduan tersebut. Adakah IPCC tersebut efektif dalam menangani aduan-aduan terhadap anggota-anggota polis.

10. PR-1532-L25818

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan mengapa Purata Hasil Sawit (Yield Per Hektar) di Sabah sehingga bulan April 2024 lebih rendah daripada tempoh yang sama iaitu 4.99 tan/ha pada 2023 dan 4.78 tan/ha pada 2024 iaitu menurun sebanyak 4% berbanding Semenanjung yang meningkat sebanyak 18%.

11. PR-1532-L25552

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar antarabangsa yang diterima menuntut di UiTM (Universiti Teknologi Mara) setiap tahun bagi tahun 2013 hingga 2023.

12. PR-1532-L25179

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :

- (a) berapa kes pencemaran sungai sejak tahun 2020 sehingga 2024; dan
- (b) berapa kes yang telah didakwa.

13. PR-1532-L24630

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan dana TEKUN yang disalurkan kepada usahawan kaum India sejak tahun 2019 sehingga 2023 secara terperinci. Nyatakan hasrat Kementerian dalam merangka strategi untuk membantu usahawan kaum India bagi tahun 2024, jangka pendek dan jangka panjang melalui pelbagai program keusahawanan.

14. PR-1532-L24546

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian bagi menangani keciciran pelajaran secara tuntas memandangkan lebih 10 ribu pelajar SPM yang tidak hadir ketika peperiksaan yang lalu.

15. PR-1532-L25493

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk mengawal bayaran khidmat hutang supaya kekal di bawah 15% daripada jumlah hasil Kerajaan.

16. PR-1532-L24512

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tahap pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA Pindaan 2022) di institusi politeknik dan kolej komuniti.

17. PR-1532-L25528

Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tahap penguasaan Bahasa Malaysia di kalangan pelajar-pelajar dan apakah perancangan pihak Kementerian untuk meningkatkan tahap kefasihan berbahasa kebangsaan di kalangan pelajar-pelajar sekolah vernakular.

18. PR-1532-L24688

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan inisiatif pihak Kementerian dalam membangunkan ekonomi golongan rentan termasuk ibu tunggal khususnya mereka yang berada di kawasan luar bandar dan pedalaman.

19. PR-1532-L25638

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menawarkan dan membayai program penguasaan bahasa kepada pemohonan kewarganegaraan, pasangan asing kepada warganegara atau pemastautin tetap bagi menguasai asas bahasa kebangsaan seperti yang dilaksanakan oleh Kanada, Jerman, Sweden, Australia, dan United Kingdom.

20. PR-1532-L25008

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perspektif Kerajaan menerapkan subsidi bersasar bagi golongan maha kaya dalam jangka masa panjang sama ada ia dapat memberi impak yang positif atau negatif terhadap masyarakat umum.

21. PR-1532-L25821

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengenai pembinaan dan menaik taraf sekolah rendah dan menengah di Pekan Semenyih, Bandar Rinching, Sg Serai dan Kantan Permai yang tidak cukup untuk menampung pertambahan pelajar seiring dengan pembukaan taman-taman perumahan baru.

22. PR-1532-L24912

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [Tumpat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) bilangan jawatan lantikan politik sebagai pengurus dan ahli lembaga pengarah di agensi Kerajaan, badan berkanun, perbadanan Kerajaan dan GLC; dan
- (b) apakah mekanisme penapisan yang digunakan bagi jawatan tersebut.

23. PR-1532-L25973

Datuk Matbali bin Musah [Sipitang] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perancangan Kementerian untuk mendalamkan sungai yang cetek di kawasan Kg. Lubok Weston.

24. PR-1532-L25119

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah kerajaan tidak bercadang untuk megkaji semula perjanjian antara Khazanah Nasional dengan Global Infrastructure Partners (GIP) yang melibatkan penjualan sebahagian ekuiti syarikat Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB).

25. PR-1532-L25074

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rasional serta penambahbaikan sistem FWCMS di sebalik keputusan mengenai penyambungan penggunaan FWCMS bagi pengambilan pekerja asing.

26. PR-1532-L24489

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan sejauh manakah keberhasilan Program Tarif Elektrik Hijau untuk menawarkan lebih banyak bekalan elektrik hijau daripada sumber tenaga boleh baharu kepada pengguna elektrik.

27. PR-1532-L25101

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) berapa ramai pelajar daripada sekolah agama ataupun maahad tafhib yang mengambil peperiksaan SPM baru-baru ini; dan
- (b) daripada jumlah tersebut, berapa ramai pelajar yang mendapat keputusan cemerlang.

28. PR-1532-L25814

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapa sumbangan PPLH 1.0 (Forest Plantation Programme) kepada industri perkayuan negara dalam bentuk kuantiti dan peratus, kerana program ini sepatutnya telah mula mengeluarkan hasil daripada tahun 2021.

29. PR-1532-L24417

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dari sumber mana Kerajaan akan mendapat peruntukan dana sebanyak RM10 bilion untuk kenaikan 13% gaji bagi para penjawat awam. Apakah jaminan bahawa sumber tersebut bukan dengan cara berhutang dan ia tidak menjaskan pertumbuhan ekonomi serta tidak membawa negara ke arah bankrup.

30. PR-1532-L25536

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana mekanisme dalam menangani kadar hutang dan liabiliti Kerajaan yang telah berjumlah lebih RM1.5 trilion sehingga akhir suku pertama 2024, di mana, hutang langsung Kerajaan sahaja dilaporkan sudah mencapai RM36.7 bilion bagi suku pertama 2024.

31. PR-1532-L25539

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dan dana diperuntukkan untuk program transformasi SMEs negara kita agar mereka menerima *artificial intelligence* dalam operasi perniagaan mereka. Apakah kadar kejayaan program tersebut.

32. PR-1532-L25363

Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) apakah sumber Kerajaan bagi membiayai kenaikan gaji 15% kepada penjawat awam; dan

- (b) apakah mekanisme Kerajaan bagi menilai prestasi penjawat awam untuk kenaikan gaji.
33. PR-1532-L(5)00251
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian akan memberi subsidi diesel kepada kontraktor G1, G2, dan G3 yang terlibat dalam kerja tanah (*earthwork*), elektrik, dan sebagainya.
- [Pertanyaan di bawah PM.22(5)]
34. PR-1532-L25272
Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional penetapan jumlah RM200 dalam pelaksanaan penyasaran subsidi diesel di bawah inisiatif BUDI MADANI dan sejauh manakah Kerajaan telah mengadakan sesi libaturus bersama pemegang taruh bagi mendapatkan maklum balas yang berkaitan sebelum inisiatif ini dilancarkan.
35. PR-1532-L24440
Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian mengenai keperluan mengembalikan semula Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) sebagai salah satu usaha menangani keciciran murid dalam aspek pembangunan kurikulum dan akademik.
36. PR-1532-L24646
Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rasional pihak sekolah menghalang Ahli Parlimen dan ADUN Pembangkang masuk ke sekolah bagi menyampaikan sumbangan-sumbangan yang dipohon oleh pihak sekolah melalui PIBG, Kelab Guru dan sebagainya.
37. PR-1532-L(5)00257
Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dengan terperinci syarat dan dokumen yang diperlukan untuk kemasukan kanak-kanak tanpa dokumen identiti ke sekolah Kerajaan dan usaha Kerajaan dalam menyediakan peluang pendidikan kepada mereka ini seperti Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih khususnya di Sarawak dan Sabah.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

38. PR-1532-L25227

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil dan keberkesanan tindakan itu di dalam menangani serangan gajah liar terhadap kebun-kebun dan penduduk di dalam Parlimen Jeli.

39. PR-1532-L25568

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan tepat warga China dan India yang masuk ke Malaysia dan warga Malaysia yang berlepas ke China dan India selepas dasar pembatalan Visa dilaksanakan pada 1 Disember 2023, berbanding dengan tempoh sama pada tahun lalu.

40. PR-1532-L24588

Tuan Roslan bin Hashim [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan dan status siasatan membabitkan kes simbah asid terhadap tonggak Harimau Malaya Muhammad Faisal bin Abdul Halim dan kes samun Muhammad Akhyar bin Abdul Rashid.

41. PR-1532-L25937

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat sebarang usaha untuk mengkaji semula pemerksaan undang-undang berkaitan pembelian barang lusuh memandangkan hukuman yang dikenakan dilihat tidak memadai kerana terdapat banyak kes kecurian kabel telekomunikasi dilaporkan.

42. PR-1532-L25134

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan status perangkaan Dasar Mineral Negara 3 (DMN 3) bagi mewujudkan satu dasar yang jelas dan komprehensif untuk memandu pembangunan industri mineral termasuklah NR-REE.

43. PR-1532-L(5)00261

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan menambahkan bantuan tunai di bawah BUDI Individu daripada RM200 ke RM300, memandangkan ada rungutan bahawa bantuan bulanan sebanyak RM200 tidak memadai. Berikan alasan terhadap keputusan Kerajaan.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

44. PR-1532-L24558

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan komprehensif bagi menangani permasalahan kesihatan mental dalam kalangan warga pendidik dan murid.

45. PR-1532-L25945

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan kewarganegaraan di bawah Artikel 15(2) bagi anak-anak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu warga Malaysia yang telah ditolak oleh Kerajaan. Minta senaraikan pecahan pemohon yang ditolak mengikut kaum dan negara yang diduduki oleh pemohon.

46. PR-1532-L25476

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :

- (a) adakah Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan badan perundingan dan mekanisme yang bertujuan untuk menyeragamkan dasar Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam perdagangan karbon ; dan
- (b) sejauh mana kerjasama antara Persekutuan dan Negeri dalam pelaksanaan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK) bagi memastikan mekanisme perdagangan karbon yang seimbang dan adil untuk kedua-dua pihak.

47. PR-1532-L(5)00256

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan dapat menaik taraf bangunan-bangunan di IPD dan Balai Polis Miri memandangkan bangunan-bangunan ini terlalu uzur, mempunyai banyak kerosakan seperti syiling yang reput dan kebocoran yang serius sehingga menjaskan keselesaan malah keselamatan para anggota.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

48. PR-1532-L24647

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana pembaharuan yang telah dijalankan terhadap institusi TVET di seluruh negara sejajar dengan keperluan industri terutama dalam memberi jaminan penempatan kerja kepada para graduan TVET serta meningkatkan kebolehpasaran mereka. Dan apakah bentuk penyelarasan yang akan dibuat bagi mengelakkan pertindihan kursus melibatkan TVET.

49. PR-1532-L25791

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan mengapa suhu di banyak tempat di Semenanjung Malaysia masih tinggi sungguhpun pada waktu malam.

50. PR-1532-L25135

Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan bantuan penyelenggaraan kepada Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) daripada jumlah RM25.57 juta pada tahun 2023 yang telah dimanfaatkan sehingga kini. Apakah mekanisme khusus serta piawaian Kementerian bagi memastikan kerja-kerja penyelenggaraan aset termasuk infrastruktur.

51. PR-1532-L25496

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian melihat dan mengambil kira tahap kecekapan dan profesionalisme seorang guru mengikut keperluan sebelum menempatkan mereka di sekolah-sekolah atau institusi-institusi pendidikan.

52. PR-1532-L25413

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah impak positif atau negatif yang dikenal pasti setelah Negeri Sembilan menjadi negeri perintis kepada penggunaan peranti bagi tujuan pembelajaran di kelas selaras dengan Dasar Pendidikan Digital (DPN) negara.

53. PR-1532-L25946

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membuat persediaan terhadap banjir besar mengikut kadar 200 ARI (Average Recurrence Interval). Nyatakan berapa Kolam Takungan Banjir di Kuala Lumpur akan dinaiktaraf untuk mencapai piawaian 200 ARI.

54. PR-1532-L25907

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk meningkatkan hasil tahunan. Apakah unjuran hasil Kerajaan secara tahunan menjelang tahun 2030 dan berapa ruang fiskal tambahan yang dijangkakan perlu selepas tempoh itu.

55. PR-1532-L25279

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi menyemak imbang perbelanjaan Institusi Pendidikan Tinggi yang dibekalkan melalui Belanjawan Tahunan agar tidak digunakan untuk hal-hal yang tidak mustahak.

56. PR-1532-L25698

Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan penilaian pihak Kementerian terhadap pencapaian pelajar Melayu dalam Matematik dan apakah langkah menyeluruh yang diambil untuk meningkatkan penguasaan mereka dalam mata pelajaran ini agar tidak ketinggalan dalam sektor pekerjaan berdasarkan kejuruteraan dan teknologi tinggi.

57. PR-1532-L25607

Tuan Suhaizan bin Kaiat [Pulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam mempertingkatkan usaha untuk memerangi isu *violent extremism* dan juga *non violent extremism*, berdasarkan perkembangan mutakhir berkait isu serangan Balai Polis Ulu Tiram dan juga cubaan masuk ke Istana Negara.

58. PR-1532-L25648

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah komitmen Kementerian supaya pengusaha Bumiputera berpeluang bersaing untuk meraih potensi kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentaulahan (EPCC) di bawah program Ladang Solar Skala Besar 5 (LSS 5) memandangkan projek ini memerlukan modal pelaburan yang amat besar.

59. PR-1532-L24725

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status semasa projek pembinaan bangunan baru SJKT Sungai Reyla.

60. PR-1532-L25649

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan untuk memastikan wujudnya keadilan dalam komponen ujian bahasa kewarganegaraan, bagi kes-kes yang kemungkinan pasangan bukan warganegara tiada kemahiran Bahasa Melayu yang sama (contoh: seperti pasangan bukan warganegara dalam keluarga Melayu).

61. PR-1532-L24444

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan semula peperiksaan awam UPSR dan PT3 untuk masa akan datang bagi mengelakkan keciciran sijil pelajar yang tidak menduduki peperiksaan SPM, iaitu lebih kurang 10,00 pelajar pada tahun 2023; dan
- (b) senaraikan pecahan pelajar yang tidak menduduki peperiksaan SPM 2023 mengikut kaum dan negeri.

62. PR-1532-L25792

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sama ada dalam 50 tahun ini perubahan iklim di Malaysia telah menjadi semakin buruk dan apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil untuk memastikan kita di Malaysia boleh menikmati suasana iklim yang lebih baik.

63. PR-1532-L24400

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Dato' Sri Najib bin Tun Razak sudah pun menjelaskan hutang cukai sebanyak RM1.7 bilion yang terhutang kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

64. PR-1532-L24443

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pelan seterusnya untuk kanak-kanak yang berada di pusat Baitul Mahabbah yang tidak boleh dihantar pulang atas dasar perlindungan antarabangsa. Adakah Kerajaan mengambil langkah untuk kanak-kanak tersebut dibebaskan dan ditempatkan dalam komuniti mereka.

65. PR-1532-L25913

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kementerian merangka satu dasar ke arah perpaduan rakyat yang lebih kukuh dan harmoni. Ini kerana masih ada generasi hari ini yang gagal menguasai bahasa kebangsaan dan memahami budaya hidup kaum yang lain.

66. PR-1532-L25701

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan proses perolehan tender terbuka Kerajaan, mengikut Rang Undang-Undang Akta Perolehan yang dicadangkan.

67. PR-1532-L25881

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci badan yang diberi tanggungjawab dalam melaksana agihan Geran Usahawan Mikro iTEKAD.

68. PR-1532-L25807

Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah permohonan warganegara bagi penduduk Sarawak mengikut bangsa yang belum selesai. Apakah kekangan yang membantutkan permohonan ini diselesaikan dengan segera dan apakah perancangan Kementerian untuk menyelesaikan perkara ini dengan secepat mungkin.

69. PR-1532-L25955

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada undang-undang kewarganegaraan akan dipinda sepertimana yang dicadangkan dan dipersetujui semasa Mesyuarat persidangan yang lalu. Sekiranya tidak, nyatakan alasan-alasannya.

70. PR-1532-L25823

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) menghadapi kekurangan guru mata pelajaran Bahasa Tamil yang kritikal, menjadi faktor penghalang utama bagi pelajar menengah untuk mengambil subjek tersebut dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Apakah rancangan Menteri untuk menyelesaikan isu ini.

71. PR-1532-L25622

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan Kementerian untuk membuka pintu-pintu masuk baharu di sempadan Malaysia-Kalimantan, senarai keutamaan kerja menaik taraf Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) sedia ada dan adakah ianya akan melibatkan pembinaan jajaran jalan bagi menghubungkan kesemua pintu masuk demi memudahkan pergerakan untuk tugas kawalan dan rondaan.

72. PR-1532-L25577

Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [Beaufort] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempertimbangkan cadangan untuk mewujudkan kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di SMK Kota Klias dan SK Rancangan Klias di Parlimen Beaufort.

73. PR-1532-L25576

Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [Beaufort] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan berapa jumlah kapasiti bekalan air terawat di kawasan Parlmen Beaufort, jumlah permintaan terkini dan semasa untuk permintaan bekalan air terawat serta adakah terdapat perancangan Kementerian untuk meningkatkan lagi kapasiti loji rawatan air di Parlmen Beaufort.

74. PR-1532-L25709

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status siasatan mengenai aduan awam mengenai kerja projek menaik taraf tandas sekolah yang tidak memuaskan dan memakan kos yang tinggi.

75. PR-1532-L25801

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hala tuju dasar dan strategi telah dirangka demi menjamin kesihatan, kesejahteraan, Kebajikan dan kemaslahatan anggota PDRM terutama aspek keselamatan ekoran insiden serangan di Balai Polis Ulu Tiram Johor di samping memastikan Malaysia bebas dari sebarang bentuk ekstremisme dan keganasan.

76. PR-1532-L25498

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan atau perancangan Kementerian dalam memastikan atau mewajibkan pendidikan prasekolah di negara ini memandangkan masih banyak lagi sekolah-sekolah yang tidak mempunyai kemudahan ini terutamanya di kawasan luar bandar.

77. PR-1532-L25520

Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah permohonan diterima dan yang telah diluluskan melalui sistem BUDI MADANI dan adakah Kerajaan sudah memuktamadkan kaedah yang akan dilaksanakan di stesen minyak apabila penstrukturran semula subsidi diesel ini dilaksanakan kelak.

78. PR-1532-L25633

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia masih tidak mewajibkan mesyuarat tahunan syarikat tersenarai di Bursa untuk sama ada diadakan dalam bentuk fizikal, atau sekurang-kurangnya hybrid mengambil kira pasca pandemik COVID-19.

79. PR-1532-L25346

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat membubarkan Ombudsman for Financial Services atas sebab ketidakberkesanan Ombudsman tersebut untuk melindungi hak-hak pengguna institusi kewangan dan kegagalan untuk meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan Malaysia.

80. PR-1532-L25838

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan kesan pelaksanaan akses pihak ketiga (*third party access*) terhadap orang awam khususnya terkait tarif elektrik semasa.

81. PR-1532-L25534

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

- (a) bilangan pelajar negara asing yang memegang sijil seperti AUSMAT, A-Level, IB, Gaokao China diterima untuk mengambil kursus sarjana muda di IPTA dan UITM sejak tahun 2019 sehingga 2024; dan
- (b) bilangan pelajar tersebut mengikut pecahan IPTA, negara asal dan sijil kelayakan.

82. PR-1532-L24454

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perincian jumlah tangkapan di bawah SOSMA semasa pentadbiran Kerajaan MADANI dan sebab-sebab tangkapan dilakukan serta adakah kerajaan bercadang :

- (a) menambah baik akta tersebut dalam masa terdekat ini;; dan
- (b) ataupun akan memansuhkannya pada masa akan datang.

83. PR-1532-L25826

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci daripada RM6.6 bilion yang telah diperuntukkan kepada Wilayah Sabah menerusi Belanjawan 2024 bagi tujuan pembangunan berapa jumlah yang telah disalurkan setakat ini bagi tujuan tersebut dan apakah bentuk projek pembangunan yang telah dirancang dan dilaksanakan.

84. PR-1532-L25857

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah data peratusan terkini keciran pelajar di Sabah dan apakah langkah Kementerian untuk menangani masalah keciran pelajar ini.

85. PR-1532-L24742

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) anggaran jumlah warga asing berdasarkan kategori seperti pelancong atau pengembaraan, pekerja asing dalam sektor formal, pendatang asing tanpa izin atau pelarian; dan
- (b) sejauh mana Kerajaan melihat kesan kehadiran warga asing khususnya PATI terhadap keselamatan sosial.

86. PR-1532-L25617

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan pelan atau inisiatif jangka panjang bagi mengatasi masalah banjir di sekitar kawasan hilir dan hulu Sungai Skrang yang menempatkan 80 buah rumah panjang di mana insiden banjir baru-baru ini turut menganggu lalulintas di Lebuh Raya Pan Borneo.

87. PR-1532-L25418

Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan terdapat masalah untuk pengisian jawatan Pegawai School Improvement Partners (SIP) dan Pegawai School Improvement Specialist Coaches (SISC+) kerana difahamkan pengetua-pengetua dan guru-guru besar tidak berminat mengisi jawatan tersebut. Oleh itu, apakah langkah atau kaedah yang diambil bagi menarik minat mereka untuk mengisi jawatan tersebut.

88. PR-1532-L25974

Datuk Matbali bin Musah [Sipitang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk mewujudkan padang sekolah khusus untuk Sekolah Menengah Kebangsaan Beaufort II.

89. PR-1532-L25420

Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mempromosikan pendidikan teknikal dan vokasional di kalangan pelajar serta bagaimana Kementerian memastikan program TVET memenuhi keperluan industri dan pasaran kerja semasa.

90. PR-1532-L25968

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan cara atau teknologi yang dipertimbangkan oleh Kementerian untuk mengendalikan pelupusan bateri Kereta Elektrik (EV), dan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan industri pelupusan atau menambah baik peruntukan undang-undang untuk mencegah pembuangan bateri EV secara sembarangan.

91. PR-1532-L25936

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini Rang Undang-Undang (RUU) penubuhan sebuah agensi tunggal sempadan negara (SBA) dan apakah rasional penubuhan agensi ini dalam membantu membendung jenayah terancang seperti penyeludupan barang dan juga pemerdagangan orang.

92. PR-1532-L25856

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pembinaan blok bilik guru di SK Tombovo dalam kawasan Parlimen Putatan perlu disegearkan, ini disebabkan keadaan bilik guru tersebut sudah tidak lagi selamat (lantai kayu) dan merbahaya untuk digunakan. Mohon pihak KPM melihat dan mengambil tindakan berkaitan perkara ini.

93. PR-1532-L25882

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci berkaitan kriteria dalam rancangan penempatan semula Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di kawasan pedalaman sama ada ia akan ditempatkan di kawasan ramai penduduk berbangsa India yang dilihat lebih strategik atau bagaimana.

94. PR-1532-L24453

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

- (a) perancangan Kementerian untuk merombak sistem pengajian tinggi di Malaysia agar dapat melahirkan lebih banyak tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan pasaran; dan
- (b) kadar pengangguran dalam kalangan siswazah tempatan dalam tempoh 2 tahun selepas tamat pengajian mereka.

95. PR-1532-L25921

Tuan Chong Zhemin [Kampar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dana yang akan dijimatkan oleh Kerajaan selepas subsidi diesel bersasar dilaksanakan.

96. PR-1532-L24564

Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam mengaplikasikan ekonomi Islam di dalam polisi dan dasar Kerajaan MADANI memandangkan sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan bagi merancakkan kajian dan inovasi ekonomi Islam.

97. PR-1532-L25926

Tuan Chong Zhemin [Kampar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional untuk menswastakan MAHB dan bagaimana langkah ini dapat menaikkan efisiensi pengendalian lapangan terbang dan pulangan pelaburan kepada Kerajaan.

98. PR-1532-L25537

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa pecahan sebenar golongan 'maha kaya' dan warga asing yang menggunakan bahan api subsidi di negara ini yang merupakan faktor utama untuk Kerajaan melakukan penyasaran subsidi diesel.

99. PR-1532-L25671

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah keputusan untuk mengecualikan penyasaran subsidi minyak diesel kepada pengguna Sabah dan Sarawak akan dikekalkan dan diteruskan sebagai sebahagian daripada dasar rasionalisasi subsidi minyak negara dan adakah ianya kelak akan meliputi subsidi petrol.

100. PR-1532-L25739

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perancangan dan langkah Kerajaan bagi memastikan tenaga kerja masa depan agenda kecerdasan buatan (AI) yang dijangka menjangkau lebih 20,000 orang menjelang tahun 2028 dapat dicapai sungguhpun dalam aspek pendidikan dan pembangunan tenaga kerja Fakulti AI ditubuhkan di UTM untuk memenuhi keperluan berkenaan.

101. PR-1532-L25806

Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membina Pusat Pelupusan Sisa Terjadual (*Schedule Waste*) di Utara Semenanjung untuk memenuhi permintaan yang kian meningkat kerana kini hanya ada Pusat Pelupusan Sisa Terjadual hanya terdapat di Johor dan Negeri Sembilan.

102. PR-1532-L24520

Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang peningkatan Indeks Bursa Malaysia pada tahun ini serta sentimen konflik perang di luar negara kepada peningkatan indeks berkenaan.

103. PR-1532-L24951

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai peningkatan kadar pemberian khas untuk Sabah kepada RM53.4 juta yang telah diluluskan dalam Belanjawan 2020 dan telah disahkan dalam Belanjawan Sabah 2020:

- (a) mengapa peningkatan kadar ini tidak disertai dengan pembentangan Warta dan Perintah Yang di-Pertuan Agong sebagaimana yang disyaratkan dalam peruntukan Perkara 112D(5) dan 112(8) Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) adakah perubahan kadar ini boleh dilaksanakan tanpa melalui Perintah Yang di-Pertuan Agong.

104. PR-1532-L24532

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapa bilangan kontraktor Melayu di bawah Pusat Khidmat Kontraktor dan apa bantuan kewangan atau jenis pembiayaan serta program pembangunan kompetensi bagi membantu kontraktor menjalankan perniagaannya.

105. PR-1532-L24614

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :

- (a) jumlah terperinci caj kempen tiada beg plastik yang berjaya dikutip di setiap negeri sejak diperkenalkan ; dan
- (b) adakah kempen ini berjaya mencapai matlamat.

106. PR-1532-L24961

Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjong Karang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kepentingan pendaftaran sistem BUDI MADANI dan apakah perbezaan dengan sistem PADU sedia ada bagi pencerahan rakyat yang kini khuatir dan gusar mengenai penyalahgunaan data peribadi.

107. PR-1532-L25110

Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha Kementerian terhadap cadangan untuk meminda kadar pemberian mengikut kepala kepada Negeri di dalam Jadual 10 Perlembagaan Persekutuan yang merupakan kadar lama sejak 2012 dan ia tidak selari dengan kenaikan cukai yang dikenakan kepada rakyat.

108. PR-1532-L24871

Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan perincian matlamat dalam mencapai pelepasan karbon sifar bersih seawal 2050:

- (a) apakah status semasa pelaksanaan cukai karbon. Adakah pengenalan perdagangan karbon oleh Bursa akan bertentangan dengan cukai karbon; dan
- (b) apakah status semasa bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau menjelang 2030 sebagaimana komitmen bersama UNFCCC dan bagaimana negeri-negeri boleh memanfaatkan usaha-usaha ini.

109. PR-1532-L25991

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan Persekutuan merancang untuk melantik penaksir bebas bagi tujuan pemberian khas 40 peratus untuk Sabah.

110. PR-1532-L25332

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan di negara mana Low Taek Jho atau lebih dikenali dengan nama Jho Low dan Datuk Seri Muhammad Adlan Berhan berada sekarang. Apakah usaha Kerajaan dalam membawa pulang mereka.

111. PR-1532-L24929

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah penduduk tanpa kerakyatan di setiap negeri dan usaha Kerajaan untuk membantu mereka hidup secara berdikari sementara menunggu isu kerakyatan mereka diselesaikan termasuklah:

- (a) hak untuk mendapatkan pendidikan ; dan
- (b) hak untuk mendapatkan kerja dengan pendapatan berpatutan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :

“BAHAWA pada hari Isnin, 1 Julai 2024 semasa perbahasan usul Menteri Di Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) 2021 dan Tahun 2022 di muka surat 37 dan 38, Penyata Rasmi bertarikh 1 Julai 2024, Yang Berhormat Tuan Wan Ahmad Fayhsal Bin Wan Ahmad Kamal, Ahli Parlimen Machang telah memaklumkan kepada Dewan berhubung dengan sepucuk surat layang yang telah tular dan didakwa mengandungi maklumat berkaitan dalang sebenar di sebalik pengambilalihan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

BAHAWA Yang Berhormat Machang juga telah menamakan individu yang menjadi dalang kepada pengambilalihan MAHB tersebut adalah Shahazwan Harris ataupun Juan yang merupakan pegawai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Yang Berhormat Machang juga telah memberikan perincian surat layang tersebut yang merujuk kepada layanan negatif individu tersebut kepada pekerjanya.

BAHAWA Yang Berhormat Machang telah membawa perhatian suatu surat layang tidak dapat dikenal pasti identiti pengadu dan kesahihan maklumatnya. Perbuatan Yang Berhormat Machang yang merujuk kepada surat layang tersebut telah memberi kesan buruk bukan sahaja kepada individu yang didakwa tetapi juga secara umum pegawai agensi di bawah Kementerian mungkin teraniaya kerana tuduhan yang tidak berasas ini.

BAHAWA dalam perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak boleh menyebut kelakuan atau sifat siapa-siapa pegawai kerajaan selain kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai pegawai kerajaan.

BAHAWA dakwaan Yang Berhormat Machang adalah merupakan satu perbuatan yang seolah-olah menjatuhkan martabat pegawai-pegawai agensi di bawah Kementerian yang telah bertungkus lumus dalam membantu Anggota Pentadbiran dalam membangunkan Malaysia.

BAHAWA Yang Berhormat Machang telah mengeluarkan kenyataan dan dakwaan yang serius dan bertindak membangkitkan perasaan melawan kuasa Kerajaan.

MAKA INILAH DIPERSETUJUI BAHAWA Yang Berhormat Machang hendaklah digantung daripada perkhidmatan Majlis Mesyuarat dan Jawatankuasa Pilihan selama enam (6) bulan dari tarikh keputusan usul ini diluluskan.”

2. (D.R.17/2024) Rang Undang-Undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (9 Julai 2024)**

[Menteri Dalam Negeri]

3. (D.R.32/2024) Rang Undang-Undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kesihatan]

4. (D.R.13/2024) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 – **Menyambung semula perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,” (27 Mac 2024)**

[Menteri Dalam Negeri]

5. (D.R.19/2024) Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

6. (D.R.18/2024) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

7. (D.R.20/2024) Rang Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

8. PR-1532-U(27)328

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhan perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini.

Malah, dengan pengenalan semula GST ini, maka tidak perlu lagi dilaksanakan sistem e-Invois yang hanya akan menghuru-harakan para peniaga kecil dan sederhana."

[Menteri Kewangan]

9. PR-1532-U(27)329

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengeluarkan gula daripada diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam usaha mengurangkan penyakit diabetes dalam kalangan rakyat Malaysia berbanding langkah Kerajaan memperkenalkan sistem penggredan untuk kandungan gula.

Harga gula di Malaysia kini kekal rendah dan di bawah harga siling adalah disebabkan pemberian insentif oleh Kerajaan sebanyak RM42 juta sebulan kepada semua pengilang gula di negara ini mulai November 2023 dan telah menyebabkan harga gula di Malaysia, yang bukan negara pengeluar gula, antara yang terendah di dunia.

Malah, Malaysia kini juga mempunyai kadar diabetes tertinggi di rantau Pasifik Barat dan antara tertinggi di dunia. Dan, dijangka tujuh juta individu berumur 18 tahun ke atas di Malaysia berpotensi menghidap penyakit kencing manis atau pra-diabetes menjelang tahun 2025.

Kerajaan perlu bertindak sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) pada 2013, yang memansuhkan subsidi gula dan kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada tahun 2019 yang mengenakan cukai ke atas minuman bergula yang secara tidak langsung akan dapat membendung krisis penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia dan mampu mengurangkan kos perubatan negara."

[Menteri Kewangan]

10. PR-1532-U(27)330

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk meningkat dan memperketatkan kawalan keselamatan serta ketenteraman negara pada tahap tertinggi terutama di lokasi-lokasi sensitif, premis kerajaan, tempat-tempat tumpuan awam dan fasiliti berkepentingan.

Kesemua peringkat kepimpinan pasukan keselamatan negara serta petugas di lapangan perlu mengambil langkah-langkah komprehensif semasa menjalankan tugas dengan mematuhi pekeliling dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah dikeluarkan bagi mengelakkan insiden seperti yang berlaku di Balai Polis Ulu Tiram, Johor kembali berulang dan mengorbankan mereka yang tidak bersalah.

Perhatian dan tindakan serius dari Kerajaan perlu segera diambil bagi menangani kegusaran masyarakat umum mengenai tahap keselamatan dan ketenteraman negara."

[Menteri Dalam Negeri]

11. PR-1532-U(27)331

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memberi komitmen secara menyeluruh dalam usaha mengekalkan 50 peratus litupan hutan di Malaysia susulan laporan "*State of the Malaysian Rainforest*" oleh pemerhati alam sekitar, RimbaWatch mengenai 3.2 juta hektar hutan semula jadi berisiko ditebang manakala sebanyak 2.4 juta hektar berada dalam ancaman hutan balak iaitu kira-kira sebesar saiz gabungan Johor dan Negeri Sembilan.

Koordinasi oleh kementerian yang bertanggungjawab mesti dilaksanakan secara bersepada dengan bantuan, sokongan dan kerjasama komuniti saintifik, masyarakat tempatan, agensi-agensi kerajaan tempatan, negeri dan persekutuan, serta pembabitan pihak swasta dan korporat. Dan, Malaysia perlu menjadi teladan kepada dunia dalam usaha memerangi krisis kehilangan sumber kepelbagaian biologi dan perubahan iklim."

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

12. PR-1532-U(27)323

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk mempertimbang dan/atau menarik semula keputusan penjualan sebahagian saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kepada Global Infrastructure Partners (GIP) milik BlackRock Inc."

[Menteri Kewangan]

13. PR-1532-U(27)324

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk menggantikan penggunaan nama Israel kepada Negara Palestin yang diduduki atau *Occupied State of Palestine* bagi merujuk negara haram di bawah Regim Zionis."

[Menteri Luar Negeri]

14. PR-1532-U(27)325

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan laporan kajian menyeluruh untuk memahami punca pelajar tidak menduduki peperiksaan SPM agar tidak terus membarah.

Penerangan ini melibatkan tinjauan, perbincangan kumpulan fokus atau inisiatif penglibatan komuniti untuk mengumpulkan maklumat langsung daripada pelajar yang terjejas dan keluarga mereka.

Seramai 10,160 pelajar yang mendaftar SPM 2023 tidak menduduki peperiksaan tersebut. Daripada 383,685 calon yang baru mendaftar, hanya 373,525 yang hadir dan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran.

Mereka akan menghadapi pilihan pekerjaan yang terhad. Jawatan yang boleh selalunya memerlukan kurang kepakaran dan menawarkan gaji yang lebih rendah, menjadikannya lebih sukar bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Akibatnya, memenuhi keperluan asas seperti perumahan, penjagaan kesihatan dan keperluan boleh menjadi cabaran besar bagi mereka seterusnya membawa kepada insiden kemiskinan pada masa hadapan."

[Menteri Pendidikan]

15. PR-1532-U(27)326

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan dasar keterlibatan yang jelas dan polisi penerimaan makluman bagi memudahkan masyarakat tempatan membuat persediaan awal terhadap kesan limpahan ekonomi melalui pembangunan mega tersebut.

Dasar ini menyokong jalinan libat urus pihak Kerajaan kepada masyarakat setempat bagi meningkatkan kefahaman khusus terhadap potensi limpahan ekonomi untuk setiap lokaliti disamping memberi ruang sokongan peluang pekerjaan kepada bakat tempatan. Pengesahan projek mega seperti contoh Projek Lebuh Raya Pan Borneo, MRT dan ECRL sewajarnya diberi maklum secara khusus seperti contoh program kerjasama jalinan bersama penduduk setempat dari sudut manfaat ekonomi sama ada sebelum, semasa dan selepas pembinaan. Dengan keterlibatan yang menyeluruh ini akan memberi ruang persediaan kepada penduduk setempat menjadi sebahagian dari penyumbang dan pemilik pertumbuhan ekonomi lokaliti.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau spill over impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat."

[Menteri Ekonomi]

16. PR-1532-U(27)327

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan kertas putih bagaimana strategi untuk mencapai sasaran 300,000 pekerja tambahan yang terdiri dari 60,000 pekerja jurutera mahir tempatan dalam industri semikonduktor dan mengekalkan Malaysia sebagai salah satu pengeksport utama dunia dengan jumlah RM1.2 trillion nilai eksport menjelang 2030.

Walau bagaimanapun, jumlah pelajar dalam bidang kejuruteraan telah menurun sehingga 18% manakala jumlah jurutera juga turut menurun sehingga 30% semenjak 5 tahun kebelakangan ini. Penurunan ini juga memberi impak berganda dengan perpindahan bakat ke luar negara sebanyak 20% kesan dari peluang pekerjaan yang lebih baik.

Oleh yang demikian, terdapat keperluan pihak Kerajaan dan agensi menerangkan pelan tindakan jalinan kerjasama industri dengan pihak institusi pengajian dan memberi justifikasi untuk membenarkan pelajar luar negara dari bidang kejuruteraan di universiti tempatan untuk bekerja di dalam industri semikonduktor di Malaysia sekurangnya dua atau tiga tahun."

[Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]

17. PR-1532-U(27)332

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

[Menteri Pertahanan]

18. PR-1532-U(27)333

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia - Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia - Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Menteri Dalam Negeri]

19. PR-1532-U(27)334

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

20. PR-1532-U(27)335

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa sumbangan industri Sabah kepada GDP masih lagi dibawah 10%. Dan Menerima hakikat bahawa kemudahan logistik dan utiliti seperti bekalan air dan bekalan elektrik menjadi penghalang utama kepada pelabur untuk datang ke Sabah. Dan menerima hakikat kerajaan telah menubuhkan Taman-Taman Perindustrian sebagai destinasi pelaburan.

Menerima hakikat juga bahawa begitu ramai anak-anak Sabah yang terpaksa berhijrah ke tempat lain seperti Semenanjung untuk mencari pekerjaan. Dan menerima hakikat pada keseluruhannya, Sabah ini adalah jauh ke belakang dalam pembangunan berbanding dengan belia Semenanjung. Ia termasuklah dalam hal-hal pencapaian peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Dan mengambil tanggungjawab bahawa kesenjangan di antara Semenanjung dan wilayah Sabah ini perlu ditangani segera untuk memastikan integriti negara kita dan juga memastikan kelangsungan kestabilan politik, maka dewan yang mulia ini ditangguh untuk membahaskan perkara yang sangat penting ini bertujuan memastikan agar kesenjangan pembangunan ini dapat dirapatkan."

[Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]

21. PR-1532-U(27)336

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat kos sara hidup meningkat, serta kos bahan api (minyak) pengangkutan menaik. Menerima hakikat kesesakan jalan raya semakin bertambah di Sabah. Dan menerima hakikat juga sistem pengangkutan awam di Sabah masih mahal.

Maka (Tuaran) meminta kerajaan supaya mengadakan pelan tindakan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam yang selamat, efisien, berdaya harap dengan kos yang tidak membebankan di Sabah."

[Menteri Pengangkutan]

22. PR-1532-U(27)337

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa hal air di Semenanjung adalah di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), yang menerima peruntukan secara langsung daripada Kerajaan Persekutuan. Menerima hakikat bahawa Sabah tidak menerima peruntukan bekalan air dari Persekutuan dengan alasan bahawa Sabah tidak termasuk dalam SPAN.

Menerima hakikat bahawa "Reserve Margin" bekalan air di Sabah adalah dibawah paras negatif. Dan menerima hakikat purata non revenue water di Sabah adalah atas 60%, dan hal ehwal air ini adalah hal negeri di bawah kelolaan Kerajaan Sabah. Dan menerima hakikat juga bahawa langkah-langkah untuk menurunkan NRW dan meningkatkan kapasiti loji-loji rawatan adalah melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.

Maka, (Tuaran) mencadangkan Kerajaan Persekutuan mengambil langkah drastik bagi membantu Kerajaan Sabah untuk menangani masalah bekalan air di Sabah secara tuntas dengan memberi peruntukan secara geran yang mencukupi."

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

23. PR-1532-U(27)338

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa perkahwinan di antara orang tempatan dengan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang tidak mempunyai dokumen berleluasa di Sabah. Dan menerima hakikat bahawa perkahwinan ini telah menyebabkan kelahiran anak-anak yang tidak mempunyai dokumen yang akhirnya menjadi "*stateless*".

Menyedari hakikat bahawa golongan "*stateless*" ini tidak dapat memasuki sistem pendidikan menyebabkan mereka membesar tanpa pendidikan. Menerima hakikat bahawa ini menjadi bebanan kepada rakyat Sabah dan Kerajaan.

Maka (Tuaran) meminta pihak Kerajaan Persekutuan mengadakan pelan tindakan untuk mengatasi masalah ini sehingga mempunyai penyelesaian tuntas."

[Menteri Dalam Negeri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR. 23	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai Tindakan Susulan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air bagi Syor-Syor Laporan PAC Parlimen berhubung Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (DR.5/2024)	18 Julai 2024
DR. 24	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat mengenai Kelangsungan Hidup Pelarian di Malaysia	18 Julai 2024
DR. 25	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat mengenai Sistem Keadilan Jenayah Terhadap Mangsa Seksual Kanak-Kanak di Malaysia	18 Julai 2024
DR. 26	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian mengenai Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat dan Inisiatif Gelombang Padi	18 Julai 2024
ST. 115	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia Bagi Tahun 2023	18 Julai 2024

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
YB Tuan Azli bin Yusof (Shah Alam)	1. Cadangan Penambahan Wad, Parkir dan Kakitangan Klinikal di Hospital Shah Alam 2. Cadangan Penguraian Kesesakan Lalu Lintas di Persimpangan Denai Alam di Lebuhraya Guthrie dan DASH	1. YB Menteri Kesihatan 2. YB Menteri Kerja Raya
YB Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khrudin (Jerantut)	1. Cadangan Mewujudkan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Jerantut 2. Teknologi Kenderaan Sifar Pelepasan Karbon Mampu Milik di Malaysia	1. YB Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah 2. YB Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**